





SILA KLIK IMEJ UNTUK KEMBALI KE LAMAN LEMBARAN KERJA

P5











KATA GANDA BERENTAK
disusun oleh:
MOHAMED NAIM DAUPI



NAMA :
DARJAH :
TARIKH :













KATA GANDA BERENTAK (LATIHAN 1)

01	Warganegera yang _____ bersedia membantu penduduk yang msikin dan melarat.	
02	Kami suka berkunjung ke kampung itu kerana penduduknya _____ dan berbudi bahasa.	
03	_____ yang dijual di pasar itu telah dimport dari Indonesia.	
04	Cerita yang _____ itu direka untuk menakut-nakutkan budak-budak kampung itu.	
05	_____ yang dijual di restoran nasi padang itu pedas-pedas belaka.	
06	_____ yang dimasak ibunya itu hendak dijual di pusat makanan lapangasn terbang itu.	
07	Kami tidak suka berkawan dengannya kerana dia suka meluahkan kata-kata yang _____.	
08	Badannya _____ setelah keluar dari semak-samun itu.	
09	Sayur-sayuran yang dijual di pasar borong itu masih _____.	
10	Murid-murid itu _____ apabila diberitahu bahawa tiada seorang pun yang gagal dalam ujian itu.	

SENARAI JAWAPAN PILIHAN

(1) saki-baki	(5) sayur-mayur	(9) kuih-muih
(2) serta-merta	(6) kaya-roya	(10) carut-marut
(3) hingar-bingar	(7) lauk-pauk	(11) karut-marut
(4) segar-bugar	(8) calar-balar	(12) ramah-tamah











KATA GANDA BERENTAK (LATIHAN 6)

51	Para pekerja itu hendak menebas _____ yang tumbuh di belakang masjid itu.	
52	_____ pegawai dari Rusia itu dicurigai oleh pihak polis.	
53	Perompak yang berjaya merompak mangsanya itu berpakaian _____.	
54	Mulut budak-budak itu _____ membaca doa ketika melintasi jalan yang sunyi iyu.	
55	Kalau kita tidak bersatu, kehidupan keluarga kita akan menjadi _____.	
56	Kelas itu menjadi _____ apabila Hakim pengsan tiba-tiba.	
57	Rambut Hanim _____ kerana tidak disikat dengan rapi.	
58	Perompak itu _____ di hadapan rumah orang kaya sebelum memecah masuk.	
59	Perompak itu lari _____ apabila siren kecemasan berbunyi.	
60	Polis percaya _____ perompak itu akan ditangkap juga.	

SENARAI JAWAPAN PILIHAN

(1) semak-samun	(5) porak-peranda	(9) mundar-mandir
(2) tindak-tanduk	(6) riuh-rendah	(10) lintang-pukang
(3) compang-camping	(7) hukum-hakam	(11) lambat-laun
(4) kumat-kamit	(8) kusut-masai	(12) ulang-alik











KATA GANDA BERENTAK (LATIHAN 5)

41	Negeri itu menjadi _____ apabila putera-putera raja itu merebut takhta pemerintahan.	
42	Pak Kasim membubuh racun tanaman untuk memusnahkan _____ yang tumbuh di situ.	
43	_____ di kawasan itu akan dijadikan tempat peranginan yang menarik.	
44	Penduduk kampung itu akan ber_____ pada hari Ahad ini untuk membersihkan tanah pusara itu.	
45	Sampan yang dinaiki oleh Jamil dan Kamal ter_____ dipukul ombak.	
46	Rumahtangga kakak Nita _____ apabila suaminya ditangkap polis akibat dadah.	
47	Orang yang mabuk itu berjalan ter_____ ketika hendak pulang ke rumahnya.	
48	Lantaran terlewat bangun dari tidurnya, abangnya ter_____ ke pejabatnya.	
49	Saya tidak suka berkawan dengan Halim kerana percakapannya sering _____.	
50	Panjahat itu lari _____ di tengah-tengah kumpulan orang ramai itu.	

SENARAI JAWAPAN PILIHAN










(1) kucar-kacir	(5) gopoh-gapah	(9) huyung-hayang
(2) gotong-royong	(6) kopak-kapik	(10) ombang-ambing
(3) gunung-ganang	(7) huru-hara	(11) rumput-rampai
(4) susup-sasap	(8) dolak-dalik	(12) suku-sakat

KATA GANDA BERENTAK (LATIHAN 2)










11	Serbuk sabun pencuci itu berkesan kerana boleh membersihkan kotoran dengan _____.	
12	Jeritan peminat bole sepak itu _____ apabila pemain handalan itu memasukkan bola ke dalam gawang.	
13	Kami membawa semua barangan ini ke Indonesia untuk dibahagikan kepada _____ kami di sana.	
14	Semua anggota keluarga ayahnya ber_____ apabila peperangan Jepun meletus.	
15	Guru memarahi kami kerana kerusi meja dalam kelas kami _____.	
16	Setelah menangkap ketua pergerakan haram itu, polis telah memburu _____ pengikutnya.	
17	Kehidupan orang-orang asli pada masa dulu ber_____ dari satu tempa ke satu tempat.	
18	Kalau kita rajin pada masa muda, hidup kita akan _____ apabila kita tua.	
19	Pemburu itu membawa dua orang asli itu kerana mereka tahu akan _____ hutan itu.	
20	Kalau kita malas bekerja dan tidak berusaha, orang akan menganggap kita _____.	

SENARAI JAWAPAN PILIHAN

(1) hiruk-pikuk	(5) cerai-berai	(9) saudara-mara
(2) tunggang-langgang	(6) hina-dina	(10) herot-berot
(3) pindah-randah	(7) selok-belok	(11) haru-biru
(4) senang-lenang	(8) saki-baki	(12) serta-merta

KATA GANDA BERENTAK (LATIHAN 3)		
21	_____ di daerah itu sesuai ditanam buah durian, duku, rambai dan longan.	
22	Jalan menuju ke kampung masih _____ dan belum dibaiki lagi.	
23	Budak lelaki itu men_____kan kakinya sambil memetik-metik jarinya.	
24	Daripada _____ jalannya, saya tahu wanita yang datang itu Mak Limah.	
25	Hati wanita tuda _____ apabila mengetahui anaknya terlibat dengan dadah.	
26	Kami menggaru-garu kepala kerana tidak dapat menjawab _____ yang rumit itu.	
27	_____ yang mengatakan bahawa pemimpin itu beristeri lagi adalah tidak benar.	
28	Bunyi tembakan meriam semasa sambutan hari kebangsaa itu ber_____.	
29	Lampu yang dipasang di sekeliling tingkap itu ber_____ dan bersinar dengan terang.	
30	Jalan itu merupakan tempat orang kampung ber _____ ke bandar.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) tanah-tanah	(5) desas-desus	(9) warna-warni
(2) lekak-lekuk	(6) dentam-dentum	(10) batu-batan
(3) detap-detup	(7) teka-teki	(11) kayu-kayan
(4) lenggang-lenggok	(8) remuk-redam	(12) lalu-lalang

04

KATA GANDA BERENTAK (LATIHAN 4)		
31	Sepanjang bulan Ramadan, jalan menuju ke Geylang Serai dipasang lampu _____.	
32	Para pelajar yang men_____ tembok tandas itu didenda agar membersihkan semua tandas sekolah.	
33	Perabot di dalam rumah orang kaya itu _____ antik dan berharga.	
34	Pakaian penjahat yang baru ditangkap polis itu _____.	
35	Setelah ber_____ di sungai yang dingin airnya itu, kami makan bekalan kami.	
36	_____ penjahat yang ganas itu sering diperhatikan polis.	
37	Pasukan askar itu dimarahi ketuanya kerana barisan mereka _____.	
38	Jantung penjahat itu ber_____ dengan kencang ketika disoal siasat oleh polis.	
39	_____ penyokong bola sepak itu boleh memekakkan telinga kami.	
40	Kita hendaklah mengawal _____ sepanjang kita berpuasa.	
SENARAI JAWAPAN PILIHAN		
(1) sorak-sorai	(5) bengkok-bengkok	(9) serbah-serbih
(2) nafsu-nafsi	(6) gerak-geri	(10) mandi-manda
(3) degap-degup	(7) kelap-kelip	(11) bukit-bukau
(4) corat-coret	(8) serba-serbi	(12) licin-licau

05